



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

23 Mar 2021 (Selasa)

Berita Harian

Industri aeroangkasa Malaysia dijangka kembali pulih 1
Selangor sedia 30 tindakan jadi hab utama 2

Utusan Malaysia

Pembahagi jalan punca kemalangan? 3
Isteri tabah jaga suami koma 4

Harian Metro

SAS 2021 sasar 30 pempamer 5

Kosmo

Relevansi Jamal Abdillah 6

Sinar Harian

Pasar Borneo bantu jana pendapatan peniaga 7
Kenapa hutan gambut penting 8
Kisah sebenar Jalan Maarof 9
Transformasi TVET bersama STDC 10

Suria FM

Menyasarkan Peningkatan Industri Aeroangkasa & Industri Penerbangan 11

The Star

COUNCIL MATTERS 12
M'sia, S'pore to discuss vaccination certification 13
RAMADAN BAZAARS 14

New Straits Times

Private jet terminal still a proposal 15

BFM89.9

Selangor Prepared For The ECRL Project Issue 16

The Edge CEO Morning Brief

Selangor frustrated by federal govt's inaction in setting up Subang Skypark private jet terminal 17

The Malaysian Reserve

Aerospace to start recovery from 2022 18

China Press

Selangor government identify high-risk areas for a covid-19 pandemic with AI technology 19

Sin Chew Daily

Selangor Aviation Show will held in mid-August, location: Subang Airport 20
Hee Loy Sian: The ownership of Kajang Bypass is unclear. 21
Selangor government promulgated the gazette to clarify

Nanyang Siang Pau



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Residential area turned into crowded student dormitories; Residents worry over safety concerns	22
Selangor considers increasing allocation to help small traders receive micro-financing	23
Guang Ming Daily	
Hee Loy Sian: As it is still CMCO at this stage, Selangor has no intention of launching in-state tourism	24
Malaysia Nanban	
Selangor air exhibition!	25



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
23 March 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Industri aeroangkasa Malaysia dijangka kembali pulih
Muka Surat	:	52

Industri aeroangkasa Malaysia dijangka kembali pulih

NAICO menerusi pelbagai inisiatif terus bantu peserta tingkatkan peranan

Oleh Alzahrin Alias
 zahrin@bh.com.my

Industri aeroangkasa Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan positif pada tahun ini, didorong pemulihan ekonomi negara daripada kesan pandemik COVID-19.

Situasi itu juga bakal menyaksikan peningkatan semula sektor penerbangan antarabangsa susulan pelaksanaan program vaksin pada peringkat global.

Ketua Pejabat Koordinasi Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO), Shamsul Kamar Abu Samah, berkata COVID-19 yang melanda negara dan global memberikan impak negatif kepada industri itu dengan pengurangan permintaan dalam sektor utama seperti pembuatan aeroangkasa, penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO), sistem integrasi, perkhidmatan kejuruteraan serta pendidikan dan latihan.

Beliau berkata, bagaimanapun NAICO yang juga agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menjangkakan pemulih-



NAICO akan merangka satu program pembangunan berstruktur yang menekankan kemajuan ekosistem tempatan, pelaksanaan Revousi Industri 4.0 dan pembangunan generasi akan datang.

Shamsul Kamar Abu Samah,
 Ketua Pejabat Koordinasi
 Industri Aeroangkasa
 Kebangsaan (NAICO)

han sepenuhnya aeroangkasa hanya bermula pada 2022.

Raja berkata, juga akan terus membantu peserta industri aeroangkasa mempertingkatkan peranan mereka menerusi pelbagai inisiatif, termasuk pengenalan Pelan Tindakan Indus-

tri Aeroangkasa Malaysia 2030.

"NAICO akan merangka satu program pembangunan berstruktur yang menekankan kemajuan ekosistem tempatan, pelaksanaan Revousi Industri 4.0 dan pembangunan generasi akan datang.


"Malah, pemulihan penuh mulai 2022 itu juga akan berdasarkan rangka kerja kami dalam mengenal pasti bidang berpotensi bagi membida dan memperoleh pakej kerja baharu daripada pengeluar peralatan tulen (OEM), syarikat peringkat satu, dua dan tiga selain penyedia perkhidmatan global," katanya selepas pelancaran Selangor Aviation Show (SAS) 2021 di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis dilancarkan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perdagangan & Perindustrian dan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Selangor, Datuk Teng Chang Khim.

NAICO juga akan terus mengenal pasti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dalam pembuatan perkaitan aeroangkasa bagi padanan perniagaan.

Shamsul berkata, NAICO juga pada peringkat awal meninjau potensi untuk pembangunan dron serta pesawat tanpa pemandu (UAV) serta kenderaan atau objek terbang buatan tempatan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Beliau berkata, sektor itu antara cabang baharu dalam aeroangkasa dan semakin mendapat permintaan serta berpotensi tinggi dalam meningkatkan pelaburan.



Chang Khim (kiri) dan Hasan pada majlis pelancaran Selangor Aviation Show (SAS) 2021 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fariz Iswadi/Ismail/BH)

Katanya, ketika ini kebanyakan dron atau UAV di Malaysia hanya produk pemasangan dan bukan pembuatan sepenuhnya.

"Ini antara cabang yang NAICO kenal pasti antara potensi baharu dalam industri aeroangkasa.

"Tujuan utama adalah mengurangkan kebergantungan import terhadap komponen ini, sekaligus meningkatkan eksport

komponen serta produk.

"Ketika ini masih pada peringkat awal, tetapi dalam tempoh lima tahun akan datang, kami ingin melihat Malaysia menjadi pengeluar dron, UAV serta kenderaan/objek terbang," katanya.

Shamsul berkata, jika ia dapat direalisasikan, Malaysia akan berupaya meningkatkan syarikat tempatan serta PKS yang terlibat dalam pembuatan produk dan komponen serta MRO.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 23 March 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor sedia 30 tindakan jadi hab utama
Muka Surat	:	52

Selangor sedia 30 tindakan jadi hab utama

Selangor menyasarkan industri aeroangkasa dan penerbangan di negeri itu akan berkembang pesat tahun ini didorong beberapa inisiatif perniagaan dan pelaburan yang dilaksanakannya.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Bhd (Invest Selangor), Datuk Hasan Azhari Idris, berkata ketika ini negeri itu juga adalah hab utama kepada sektor itu dengan lebih daripada 62 peratus firma berkaitan industri itu berada di Selangor.

Beliau berkata, pihaknya juga menyasarkan akhir tahun ini jumlah firma berkaitan aeroangkasa dan penerbangan meningkat kepada 70 peratus daripada keseluruhannya di Malaysia.

"Selangor sudah menggariskan 30 rancangan tindakan di bawah Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri bagi meletakkan Selangor sebagai hab utama industri aeroangkasa di Asia Tenggara.

"Tumpuan utama adalah dalam penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta latihan berkaitan industri.

"Antara tindakan yang akan dilaksanakan adalah penganjuran Selangor Aviation Show (SAS) 2021.

"Walaupun pelaburan berkaitan industri ini sedikit perlahan pada 2020, Invest Selangor optimis pelaburan aeroangkasa akan meningkat kembali bermula tahun ini," katanya selepas pelancaran SAS 2021 di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis dilancarkan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perdagangan & Perindustrian dan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Selangor, Datuk Teng Chang Khim.

Sementara itu Chang Khim berkata, bertemakan *Selangor, the ASEAN Business & General Aviation Hub, SAS 2021* adalah pameran yang bakal menjadi pemangkin menghidupkan semula industri dalam persekitaran pasca COVID-19.

Beliau berkata, SAS 2021 menyasarkan pembabitan lebih daripada 30 pempamer dalam dan luar negara serta 5,000 pengunjung sepanjang acara yang berlangsung pada 12 hingga 14 Ogos ini.

Katanya, penganjuran SAS 2021 ini terus mengukuhkan

Selangor sebagai negeri yang mempunyai ekosistem lengkap industri aeroangkasa.

"Digelar sebagai kawasan pertumbuhan utama penerbangan dan aeroangkasa, Selangor mempunyai ekosistem yang kondusif, menempatkan lebih 200 syarikat aeroangkasa dan penerbangan merangkumi pelbagai aktiviti.

"SAS 2021 juga akan membuka peluang jalinan kerjasama syarikat tempatan dan antarabangsa, sekali gus meningkatkan lagi pelaburan aeroangkasa," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 23 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pembahagi jalan punca kemalangan?
Muka Surat	:	19

ADUAN PBT

Pembahagi jalan punca kemalangan?

SAUDARA PENGARANG,

BEBERAPA hari lalu, berlaku kemalangan membabitkan sebuah keluarga di Jalan Saujana Impian berhadapan pasar raya Tesco.

Kemalangan itu meragut nyawa suami isteri manakala dua anak mereka cedera ringan apabila pemandu van dari arah Semenyih menghala Kuala Lumpur hilang kawalan lalu melanggar pembahagi jalan, sebelum masuk ke laluan bertentangan.

Ini bukanlah peristiwa malang pertama, sebaliknya Jalan Pintas Kajang-Semenyih tersebut kerap berlaku kemalangan sehingga mengorbankan banyak nyawa. Berkemungkinan disebabkan struktur jalan yang membahayakan pengguna jalan raya.

Kami sudah membuat aduan kepada beberapa agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), namun dimaklumkan bukan di bawah bidang kuasa mereka.

Persoalannya, bagaimana jalan tersebut dibina sekiranya tiada pihak yang mengaku meluluskannya? Di mana pula wakil rakyat yang tidak langsung membantu menyelesaikan perkara ini?

Justeru, diharap pihak berkaitan mengkaji semula punca kemalangan yang mungkin disebabkan masalah teknikal jalan itu sendiri dengan membuat beberapa penambahbaikan seperti melaksanakan pemotongan *road median* supaya tidak terlalu tajam dan membina *superelevation* di kedua-dua belah laluan.

PENDUDUK SELANGOR
Kajang, Selangor



PEMBAHAGI jalan yang tidak lurus dan rendah menjadi punca kemalangan.
- UTUSAN/IQBAL ROSLI



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
23 March 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Isteri tabah jaga suami koma
Muka Surat	:	31

Isteri tabah jaga suami koma

Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**
 utusannews@mediamula.com.my

KUALA SELANGOR: Rutin harian seorang suri rumah bertukar sepenuhnya apabila suami lumpuh selepas terlibat dalam kemalangan jalan raya Julai tahun lalu.

Bagaimanapun Siti Arbi Katan, 50, terus cekal berhadapan dengan dugaan yang menimpa suaminya, Radzali Mohammad, 57, dan kini sekadar mampu terlantar di katil.

Ibu kepada empat anak itu berkata, suaminya yang merupakan mekanik telah terlibat dengan kemalangan di Jalan Bukit Kapar, Klang ketika pulang bekerja pada pukul 6.40 pagi, 17 Julai tahun lalu.

"Kemalangan itu menyebabkan suami terpaksa menjalani pembedahan otak di Hospital Sungai Buloh sebelum dibenarkan pulang ke rumah pada 24 Ogos lalu.

"Kini saya dan dua anak menguruskan sepenuhnya ketua keluarga kami ini yang sentiasa memerlukan penjagaan rapi," katanya ketika ditemui di kediaman-



"Kami akan sentiasa mengorbankan masa, tenaga dan wang untuk menjaganya sehingga kembali sembuh."

SITI ARBI KATAN

nya di Felda Bukit Cherakah di sini semalam.

Menurut Siti Arbi, anaknya, Muhammad Aiman Syafiq, 20, turut berhenti kerja sebagai pekerja binaan sejak tragedi malang itu.

"Saya bersyukur kerana Muhammad Aiman dan adik bongsunya (Aimim Iman, 16) yang masih bersekolah turut bergilir-gilir menguruskan keperluan bapa mereka.

"Kami akan sentiasa mengorbankan masa, tenaga dan wang untuk menjaganya sehingga kembali sembuh," katanya.

Jelasnya, kini mereka hanya bergantung kepada bantuan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Radzali berjumlah RM1,500 sebulan.

"Perbelanjaan bulanan yang perlu ditanggung meliputi keperluan ubat-ubatan, susu khas dan lampin pakai buang.

"Bagi menampung kos ini, saya turut menjual kuih tradisional secara kecil-kecilan yang diletakkan di kedai runcit," katanya.

"Bagaimanapun saya bersyukur nasib keluarga turut mendapat perhatian Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang akan menyalurkan bantuan secara berkala," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan bagi meringankan beban keluarga itu boleh menyalurkannya di akaun Bank Islam Siti Arbi yang bernombor 12010024661953 atau menghubunginya di talian 013-3069781.



SITI Arbi Katan (kanan) dan Muhammad Aiman Syafiq menguruskan Radzali Mohammad yang terlantar di kediaman mereka di Felda Bukit Cherakah, Kuala Selangor, Selangor. - UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
23 March 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	SAS 2021 sasar 30 pempamer
Muka Surat	:	24

SAS 2021 sasar 30 pempamer

Kuala Lumpur: Selangor menyasarkan peningkatan industri aeroangkasa dan industri penerbangan di negeri itu tahun ini berdasarkan kepada beberapa inisiatif yang dilaksanakannya.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Bhd (Invest Selangor), Datuk Hasan Azhari Idris berkata, ketika ini negeri itu juga adalah hab utama kepada sektor itu dengan lebih daripada 62 peratus firma berkaitan industri itu berada di Selangor.

Beliau berkata, pihaknya juga menyasarkan menjelang akhir tahun ini jumlah firma berkaitan aeroangkasa dan penerbangan akan meningkat kepada 70 peratus daripada keseluruhannya di Malaysia.

"Selangor sudah menggariskan 30 rancangan tindakan di bawah Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor yang akan dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan dan negeri bagi meletakkan Selangor sebagai hab utama industri aeroangkasa di Asia Tenggara.

"Tumpuan utama adalah dalam penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta latihan berkaitan industri. Salah satu tindakan yang akan dilaksa-

nakan adalah penganjuran *Selangor Aviation Show* (SAS) 2021.

"Walaupun pelaburan berkaitan industri ini agak sedikit perlahan pada tahun lalu, tetapi Invest Selangor optimis pelaburan aeroangkasa akan meningkat kembali bermula tahun ini," katanya selepas pelancaran SAS 2021 di sini, semalam.

Majlis dilancarkan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perdagangan & Perindustrian dan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Selangor, Datuk Teng Chang Khim.

Sementara itu, Chang Khim berkata, bertemakan '*Selangor, the ASEAN Business & General Aviation Hub*, SAS 2021 adalah pameran yang bakal menjadi pemangkin menghidupkan semula industri dalam persekitaran pasca Covid-19.

Beliau berkata, SAS 2021 menyasarkan pembabitan lebih 30 pempamer dalam dan luar negara dengan 5,000 pengunjung sepanjang acara yang berlangsung pada 12 hingga 14 Ogos depan.

Katanya, penganjuran SAS 2021 ini akan terus mengukuhkan Selangor sebagai negeri yang mempunyai ekosistem lengkap industri aeroangkasa.



CHANG Khim (tengah) melancarkan SAS 2021, semalam.




PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
23 March 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Relevansi Jamal Abdillah
Muka Surat	:	25



AJL untuk lagu, bukan penyanyi – Raja Pop

SITAP yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perkembangan muzik popular di negara ini, akan mendapati bahawa Jamal Abdillah (AJL) adalah salah satu nama yang paling menonjol dalam industri muzik tempatan ini. Beliau telah menghasilkan beberapa album yang berjaya dan mempunyai ramai peminat. Beliau juga pernah memenangi Anugerah Juara Lagu (AJL) beberapa kali. Beliau adalah salah satu penyanyi yang paling produktif dan berbakat dalam industri muzik tempatan ini. Beliau juga pernah memenangi Anugerah Juara Lagu (AJL) beberapa kali. Beliau adalah salah satu penyanyi yang paling produktif dan berbakat dalam industri muzik tempatan ini.



Relevansi Jamal Abdillah adalah salah satu tajuk yang paling menarik dalam edisi ini. Beliau adalah salah satu penyanyi yang paling produktif dan berbakat dalam industri muzik tempatan ini. Beliau juga pernah memenangi Anugerah Juara Lagu (AJL) beberapa kali. Beliau adalah salah satu penyanyi yang paling produktif dan berbakat dalam industri muzik tempatan ini.



KERATAN AKHBAR
23 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pasar Borneo bantu jana pendapatan peniaga
Muka Surat	:	7



Henry galak peniaga Pasar Borneo daftar DesaMall

Oleh NORAFIZA JAAFAR

SERI KEMBANGAN

Pasar Borneo yang beroperasi sejak 2017 banyak membantu peniaga menjana pendapatan dan mewujudkan ekosistem perniagaan sekali gus menyumbang kepada ekonomi negara.

Bermula dengan hanya bukaan khemah, kini pasar mingguan tersebut yang terletak di Jalan Jinma 7, Pusat Perdagangan Seri Kembangan lebih tersusun dan menghimpunkan hampir 60 peniaga yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

Terdapat pelbagai signature makanan serta produk dari Negeri Di Bawah Bayu dan Bumi Kenyalang di Pasar Borneo yang beroperasi pada setiap Sabtu antara jam 7 pagi hingga 11 pagi.

Jamulia Anak Kakol, 39, antara peniaga terawal yang mencari rezeki di

pasar berkenaan dengan menjual penyaram di pasar itu.

Menurut Jamulia, sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung telah membantunya menjana pendapatan sampingan.

"Kini, keadaan Pasar Borneo telah berubah kerana ramai pengunjung berbanding pada awal pembukaannya. Mereka ke sini untuk mendapatkan makanan dari Sabah dan Sarawak," kongsiya kepada *Sinar Harian*.

Jamulia ditemui ketika Timbalan Menteri II Pembangunan Luar Bandar, Datuk Henry Sum Agong mengadakan lawatan ke Pasar Borneo pada Sabtu untuk melihat keadaan usahawan dari Borneo menjalankan perniagaan mereka.

Sementara itu, Presiden Persatuan Borneo, Nelson Entap berkata, pihaknya bercadang untuk menjadikan Pasar Borneo sebagai hab pelancongan dan memperluaskan konsep yang sama di Lembah Klang serta negeri-negeri lain.

Menurut Nelson, pihaknya menerima permintaan yang tinggi daripada orang ramai untuk pembukaan Pasar Borneo namun perlu memberikan fokus di kawasan Seri Kembangan yang men-

jadi lokasi tumpuan pembeli.

"Di sini juga ramai yang memohon untuk berniaga namun kita hadkan jumlahnya disebabkan tempat terhad.

"Kami memantau jualan mereka supaya dapat mengelakkan daripada terlalu ramai peniaga menjual produk yang sama. Jika ada kekosongan kami akan memberikan ruang kepada mereka untuk berniaga," ujarnya.

Katanya, ada keperluan pasar itu dipindahkan ke lokasi lain disebabkan masalah kawasan yang sempit dan kecil.

"Setakat ini seramai 60 peniaga dah maksimum. Di sini semua peniaga berlesen dengan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

"Pada peringkat awal Pasar Borneo beroperasi di sini, ia tidak mengalami masalah kerana kami baru nak bertapak. Selepas peniaga terlalu ramai, kami meminta untuk diberikan lot kekal yang ada kemudahan tandas, air bersih, bekalan elektrik dan lain-lain," katanya.

Nelson berkata, premis kekal membolehkan masa operasi pasar dilanjutkan sekali gus dijadikan sebagai hab pelancongan yang boleh menyumbang kepada ekonomi negara.

Pasar produk dalam talian

Sementara itu, Henry mencadangkan peniaga di Pasar Borneo itu memasarkan produk mereka secara dalam talian (online) di DesaMall@KPLB susulan sambutan menggalakkan produk dari Sabah dan Sarawak.

"Melalui DesaMall ini ia bukan hanya tertumpu untuk pembeli yang datang ke Pasar Borneo tetapi dapat diperluaskan kepada pasaran luar.

"Ini merupakan langkah yang baik dan saya yakin ia akan memacu peningkatan hasil jualan peniaga," katanya.

Pada masa sama, Henry berkata,

REAKSI



Ini merupakan kali ketiga saya mengunjungi Pasar Borneo untuk membeli makanan dari Sabah memandangkan suami berasal dari sana. Biasanya kami membeli barang ketika pulang ke kampung di Sabah tetapi disebabkan Covid-19, kami membeli di sini sahaja."

- *Surirumah, Salza Zakaria, 43*



Saya menetap di Semanjung sejak 2005 dan mula berniaga beberapa tahun kemudian. Selain berniaga di Pasar Borneo, saya juga berniaga barangan Borneo secara dalam online dan membuat penghantaran terus kepada pelanggan."

- *Peniaga, Johnny Anak James, 37*



Pasar Borneo dapat mengubati kerinduan akan makanan kampung. Saya sanggup datang dari Keramat untuk ke sini. Saya berharap pasar seperti ini dapat diperluaskan ke pusat bandar supaya lebih dekat dengan saya."

- *Atlet Muay Thai, Awangku Abdul Rahman Awang Marajaya, 23*

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) mempunyai beberapa program khusus agensi di bawah kementerianannya yang boleh memberikan manfaat kepada usahawan kecil.

"Saya harap usahawan dari Sabah dan Sarawak melihat potensi perniagaan mereka dan berhubung dengan agensi di bawah kementerian.

"Salah satunya DesaMall, mereka boleh mendaftar, pihak DesaMall akan menguruskan jualan secara online. Cara ini boleh diguna pakai khususnya pada waktu Covid-19 sekarang," katanya.

Beliau berkata, DesaMall@KPLB adalah inisiatif KPLB untuk membantu usahawan luar bandar memasarkan produk secara online melalui platform e-Dagang.

"Objektifnya untuk meluaskan pasaran produk dan meningkatkan hasil jualan usahawan luar bandar kepada 10 peratus ke 30 peratus setahun serta menambah baik kualiti produk untuk persediaan berniaga online," katanya.

Henry berkata, peserta akan diberi kursus dan latihan secara praktikal sebagai persediaan.




Henry (dua dari kiri) bergambar kenangan ketika lawatannya ke Pasar Borneo di Seri Kembangan pada Sabtu.



KERATAN AKHBAR		
23 March 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kenapa hutan gambut penting
Muka Surat	:	17

Kenapa hutan gambut penting



DR HALIZA ABDUL RAHMAN

Tanggal 21 Mac adalah hari yang penting kerana pada tanggal tersebut Sambutan Hari Hutan Sedunia diraikan bagi mengingatkan masyarakat tentang pentingnya fungsi dan peranan hutan bagi kelangsungan hidup manusia.

Antara jenis hutan yang perlu diberi perhatian di Malaysia adalah hutan paya gambut. Hutan jenis ini adalah ekosistem tanah lembap yang unik dan rapuh selain memerlukan masa ribuan tahun untuk pembentukannya. Ia didapati terutamanya di Pahang, Selangor, Sabah dan Sarawak.

Hutan gambut merupakan salah satu khazanah atau sumber daya alam yang penting dan mempunyai multi-fungsi. Ekosistem ini secara alami mempunyai rangkaian fungsi dan perkhidmatan yang penting kepada manusia dan alam sejagat. Antaranya mem-

lihar pelbagai biologi, menyediakan habitat kepada hidupan liar, pusingan kitaran hidrologi, menghalang kejadian banjir, hakisan, menstabil iklim, riadah dan pendidikan serta sumber keperluan sosio-ekonomi asas manusia.

Paya gambut di Semenanjung Malaysia menampung sejumlah 238 spesies tumbuhan dan 81 spesies ikan. Tahap endemik spesies ikan amat tinggi, ada spesies yang hanya ditemui di paya gambut tertentu di dunia seperti ikan laga Betta Langat yang hanya ditemui di Hutan Simpani Kuala Langat Utara (HSKLU) sahaja.

Antara fungsi dan peranan utama paya gambut adalah sebagai kawasan tadahan air. Tanah gambut memiliki peranan hidrologi yang sangat penting, sifat fiziknya dapat menyerap dan mengawal kestabilan bekalan sumber air melalui fungsi alami bahan organik dan berupaya menyimpan sehingga 90 peratus air. Paya gambut dicirikan oleh tanah yang mempunyai ketelapan tinggi, lantas berupaya untuk menyimpan banyak air.

Ini menjadikan tanah gambut berkemampuan dalam menstabilkan aras air dan mengawal banjir serta kemarau di kawasan sekitar. Semasa musim

hujan, paya gambut berperanan sebagai kawasan simpanan air semula jadi. Semasa musim kering, hutan paya gambut berkemampuan untuk mengalirkan air kembali ke dalam sistem sungai untuk kegunaan penduduk terutama bagi pengairan tanaman pertanian seperti padi. Dianggarkan 10 peratus daripada air tawar dunia berada di hutan gambut.

Impak

Hutan gambut terus diasah dan di-ancam kewujudannya, misalnya oleh aktiviti berunsurkan pertanian serta akuakultur. Antara yang terancam adalah HSKLU yang berusia 8,000 tahun. HSKLU diklasifikasi sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 di bawah Rancangan Fizikal Negara ke-3 dan telah ditetapkan sebagai kawasan pemuliharaan di bawah Rancangan Tempatan Kuala Langat. Ini bermakna tiada pembangunan sepatutnya dibenarkan di kawasan ini untuk mengelakkan impak serius kepada alam sekitar, ekonomi dan sosial.

Kerajaan Selangor bercadang menyahwartakan kawasan seluas 930.93 hektar atau 97 peratus hutan simpani berkenaan untuk tujuan projek pemba-

Ada spesies yang hanya ditemui di paya gambut tertentu di dunia seperti ikan laga Betta Langat yang hanya ditemui di Hutan Simpani Kuala Langat Utara (HSKLU) sahaja."

ngunan bercampur. Tindakan penyah-wartaannya bakal memberi impak besar kepada alam sekitar selain menjejaskan lebih 2,000 komuniti orang asli suku Temuan. Sebarang gangguan terhadap ekosistem di kawasan ini juga turut menyebabkan perubahan berkekalan kepada sistem hidrologi iaitu sumber air mentah semula jadi.

Setiap perancangan untuk membaikpulih paya gambut mestilah berpandukan kepada pengetahuan saintifik dan haruslah relevan kepada keadaan persekitaran setempat dan sosio-ekonomi tempatan.

* Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia



KERATAN AKHBAR		
23 March 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kisah sebenar Jalan Maarof
Muka Surat	:	19

Kisah sebenar Jalan Maarof

Nama jalan diabadikan
 sempena ketua kampung
 Sungai Putih, Ma'arof Malim

Oleh SYAIRAH ABDUL LAJIS

KUALA LUMPUR

Bila sebut Jalan Maarof di Bangsar, sudah tentu ramai yang mengatakan jalan itu dinamakan sempena nama Maarof Zakaria, individu yang mengasaskan bank pertama untuk orang Melayu iaitu Malay National Bank di Klang Street pada tahun 1946.

Namun ramai yang tidak tahu, Jalan Maarof sebenarnya dinamakan sempena nama ketua kampung yang juga ketua staf Melayu di National Electricity Board



Jalan Maarof di Bangsar yang dinamakan sempena nama Ma'arof Malim.

(Lembaga Letrik Negara, kini Tenaga Nasional Berhad) di Bangsar iaitu Ma'arof Malim.

Apabila jalan dibina di kawasan itu pada tahun 1959, nama Ma'arof telah diabadikan pada jalan tersebut sebagai mengenang jasa Allahyarham.

Bekas Presiden Majlis Antarabangsa untuk Monumen dan Tapak Warisan (ICOMOS) Malaysia, Datuk Ar Hajeedar Abdul Majid berkata, pembetulan fakta itu bertujuan mengelakkan orang ramai atau pihak lain tersalah ambil maklumat pada masa akan datang.

Ar Hajeedar memberitahu, Maa'rof adalah ketua kampung Sungai Putih di Bangsar dan berkhidmat di NEB pada tahun 1930-an selama 10 tahun dan meninggal dunia pada tahun 1944.

"Atas jasa dan sumbangannya pada waktu lalu, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mohon kepada Sultan Selangor untuk mengabadikan nama Ma'arof Malim di papan tanda jalan," katanya.

Beliau berkata, seperti tertera dalam surat rasmi bertarikh 21 Mei 1959 Maj-



AR HAJEEDAR

lis Perbandaran Kuala Lumpur, nama Maa'rof Malim dipilih untuk diabadikan di papan tanda nama jalan tersebut.


"Sebelum ini, nama Jalan Maarof dikaitkan dengan seorang peguam, Maarof Zakaria yang merupakan pengasas Bank Kebangsaan Melayu (Malay National Bank) iaitu bank pertama khusus untuk orang Melayu," katanya.

Kisah Maarof Zakaria mendapat liputan meluas media kerana Maarof diculik pada 4 Disember 1947 ketika dalam perjalanan dari rumahnya di Kampung Baru Kuala Lumpur menuju ke rumah ibunya di Seremban, Negeri Sembilan.

Selepas tiga hari diculik, mayatnya ditemui dalam keadaan cukup menyayat hati, digantung pada sebatang pokok dalam hutan, berhampiran Batu 13, Jalan Kuala Lumpur-Bentong, Pahang pada Sabtu, 7 Disember 1947.

Allahyarham yang juga seorang peguam adalah bapa kepada seniman terkenal, Allahyarham Datuk Mustapha Maarof.

FOTO: DATUK AR HAJEEDAR ABDUL MAJID



Surat rasmi bertarikh 21 Mei 1959 daripada Majlis Perbandaran Kuala Lumpur menyatakan, nama Maa'rof Malim diabadikan di papan tanda 'Jalan Maarof'.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 23 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Transformasi TVET bersama STDC
Muka Surat	:	23



STDC komited melahirkan graduan TVET yang berkualiti dan berkemahiran tinggi.

Transformasi TVET bersama STDC

Tawar pembiayaan penuh pengajian melalui IKTISASS



Bidang berkaitan automotif dan sistem komputer antara yang boleh dijadikan pilihan.



Program automotif antara yang ditawarkan dalam sesi pengajian.

Selangor Technical Skills Development Centre (STDC) terus berusaha melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi ekosistem pendidikan-industri.

